



Ruj. Kami : JKR:CKUB.BD.900-7/4/1 Jld. 28 (38)
Tarikh : 11 Ogos 2026

EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

CADANGAN PELUASAN KENAAN DEPOSIT TENDER BAGI PEROLEHAN KERJA KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan sentiasa komited dalam memperkasakan ketelusan, memelihara integriti, serta memastikan nilai untuk wang (*value for money*) dalam setiap projek perolehan awam. Oleh itu, Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan kenaikan Deposit Tender bagi semua perolehan kerja Kerajaan bernilai RM10 juta ke atas yang berada di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

3. Seperti yang pihak persatuan sedia maklum, pelaksanaan mekanisme ini bukanlah dasar baharu Kerajaan sebaliknya merupakan peluasan dasar sedia ada yang telah berjaya dilaksanakan dan dikuatkuasakan ke atas projek Penyelenggaraan dan Pengurusan Fasiliti (*Facilities Management and Maintenance - FMM*) sejak tahun 2021 melalui Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (SAKPKR) Bil. 4/2021.

4. Untuk makluman pihak persatuan kenaikan Bon atau Deposit Tender terhadap projek-projek *Facilities Management And Maintenance (FMM)* dilihat telah memberikan impak yang positif diantaranya ialah:



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.:QMS 03597



CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.:EMS 00227



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.:OHS 00604



CERTIFIED TO ISO 50001:2018
CERT. NO.:EnMS 00111



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO.:00249

- a) Pemindahan beban penilaian asas keupayaan kewangan awal kepada pihak ketiga iaitu pihak bank. Pihak institusi kewangan akan membuat semakan ketat terhadap kemampuan kewangan syarikat sebelum meluluskan bon. Ini dapat memastikan hanya kontraktor yang berkemampuan sahaja menyertai tender.
- b) Keperluan mengemukakan modal atau cagaran yang nyata mengurangkan modus operandi pakatan harga serta penggunaan syarikat-syarikat tidak tulen atau dorman; dan
- c) Melindungi kontraktor daripada persaingan tidak sihat dan membantu meminimalkan risiko projek terbengkalai di peringkat pelaksanaan.

5. Kerajaan bersikap terbuka berhubung dengan penentuan nilai Deposit Tender yang akan dikenakan. Bagi projek FMM sedia ada, kadar secara kadar rata (*flat rate*) seperti berikut:

Anggaran Nilai Tender (RM)	Kadar Bon / Deposit Tender (RM)
Melebihi RM10 juta hingga RM20 juta	RM100,000
Melebihi RM20 juta hingga RM50 juta	RM200,000
Melebihi RM50 juta hingga RM100 juta	RM300,000
Melebihi RM100 juta hingga RM200 juta	RM400,000
Melebihi RM200 juta	RM500,000

6. Sebagai salah satu pemegang taruh industri pembinaan, pandangan pihak persatuan amat berharga bagi membolehkan Jabatan merangka peraturan yang seimbang bagi memelihara integriti perolehan negara tanpa membebankan aliran tunai kontraktor. Jabatan juga telah menyediakan satu borang kaji selidik khas untuk mengumpul maklum balas daripada kontraktor gred G7 berhubung kesediaan dan pandangan mereka terhadap dasar ini. Sehubungan itu, kerjasama pihak persatuan adalah dipohon untuk memanjangkan dan mengedarkan pautan kaji selidik di bawah kepada semua ahli persatuan (Khususnya Kontraktor Gred G7).

Pautan Kaji Selidik : <https://forms.gle/kiAeiQ5iJFtCG9tT9>

Ruj. Kami : JKR:CKUB.BD.900-7/4/1 Jld. 28 (38)
Tarikh : 11 Ogos 2026


7. Justeru, sebarang cadangan dan ulasan boleh dikemukakan secara bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini. Segala perhatian, kerjasama, dan maklum balas daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(Sr ROGAYAH BINTI YUNUS, CQS)
Pengarah Kanan

SENARAI EDARAN :

1. PERSATUAN PEMBINA DAN KONTRAKTOR INDIA MALAYSIA
No. 544-3M, Wisma PKIM, Batu 3
Jalan Sultan Azlan Shah
52100 Kuala Lumpur
(u.p: Mr. G. Ananthan)
2. PERSATUAN KONTRAKTOR MELAYU MALAYSIA
No 26, Jalan 3/3C
Sri Utara Business Park
68100 Batu Caves
Kuala Lumpur
(u.p: YBhg. Datuk Mohd Rosdi Ab. Aziz)
3. MASTER BUILDERS ASSOCIATION
Bangunan Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia,
Lot 92404, Persiaran Harmoni,
Putra Heights,
47650, Subang Jaya, Selangor
(u.p : Mr. Kenneth Liew Kiam Woon)
4. PERSATUAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA MALAYSIA (PKBM)
Suite 3-5, Aras 3,
Menara MATRADE West Wing,
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur
(u.p : YBhg. Datuk Azman Bin Yusoff)